



**PENGURUSAN DANA WAKAF TUNAI BAGI PEMBANGUNAN  
EKONOMI UMAT ISLAM: PENGALAMAN YAYASAN WAKAF  
MALAYSIA (YWM)**

***CASH WAKAF FUND MANAGEMENT FOR THE ECONOMIC  
DEVELOPMENT OF MUSLIMS: THE EXPERIENCE OF YAYASAN  
WAKAF MALAYSIA (YWM)***

Asharaf Mohd Ramli  
Abdullaah Jalil, Norman Hamdan  
Khairuneezam Mohd. Noor  
Siti Suriani Othman  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Corresponding author: [asharaf@usim.edu.my](mailto:asharaf@usim.edu.my)

H.M. Rachmat Effendi  
Edi Setiadi  
Universitas Islam Bandung  
Indonesia

**ABSTRAK**

Penglibatan agensi-agensi kerajaan serta swasta di dalam pengurusan aset wakaf telah membentuk dimensi baru pengurusan harta wakaf di beberapa negara termasuklah Malaysia. Selaku pemegang amanah tunggal aset wakaf di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mempunyai kuasa dari sudut perundangan untuk mentadbir dan mengurus aset wakaf serta memberikan kebenaran kepada agensi kerajaan serta entiti swasta untuk terlibat di dalam pengurusan wakaf. Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) yang ditubuhkan pada tahun 2008 adalah di antara agensi kerajaan yang diberikan kebenaran untuk menguruskan aset-aset wakaf terutamanya dana wakaf tunai. Sebagai sebuah agensi yang bernaung di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), YWM mempunyai peranan khusus melaksanakan dasar-dasar JAWHAR bagi mengurus, membangun, dan melaburkan dana wakaf tunai bagi meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam di dalam empat sektor utama iaitu pendidikan, kesihatan, ekonomi dan alam sekitar. Kertas kerja ini akan memfokuskan kajian terhadap pengalaman YWM di dalam aspek pengurusan, pembangunan, pelaburan dana wakaf tunai serta penyaluran manfaat wakaf kepada penerima-penerima yang terdiri dari sektor pendidikan. Kaedah penyelidikan kualitatif temubual separa berstruktur dan analisa kandungan diaplikasikan bagi mendapatkan data primer dan sekunder. Hasil kajian menunjukkan peranan besar yang dimainkan oleh YWM didalam pengurusan dana wakaf tunai dan menyalurkan manfaatnya bagi kemaslahatan umat Islam di Malaysia terutamanya kepada sektor pendidikan. Kaedah tadbir urus terbaik serta penyaluran manfaat wakaf pendidikan yang dilaksanakan oleh YWM boleh menjadi panduan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta lain yang terlibat di dalam pengurusan wakaf pendidikan.

**Kata kunci:** Wakaf pendidikan, tadbir urus, manfaat wakaf





### ABSTRACT

*The involvement of government and private agencies in the management of waqf assets has formed a new dimension of waqf property management in several countries, including, Malaysia. As the sole trustee of wakaf assets in Malaysia, the State Islamic Religious Council (MAIN) has the legal authority to administer and manage wakaf assets and give permission to government agencies and private entities to be involved in wakaf management. Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), established in 2008, is among the government agencies permitted to manage wakaf assets, especially cash wakaf funds. As an agency under the Department of Wakaf, Zakat, and Hajj (JAWHAR), YWM has a specific role in implementing JAWHAR policies to manage, develop, and invest cash wakaf funds to improve the socio-economy of Muslims in four main sectors, namely education, health, economy, and environment. This paper will focus on the study of YWM's experience in management, development, cash wakaf fund investment, and the distribution of wakaf benefits to recipients from the education sector. Qualitative research methods of semi-structured interviews and content analysis were applied to obtain primary and secondary data. The study results show the significant role played by YWM in managing cash waqf funds and channeling its benefits for the benefit of Muslims in Malaysia, especially in the education sector. The best governance methods and the distribution of educational endowment benefits implemented by YWM can be a guide to other government and private agencies involved in the management of the educational endowment.*

**Keywords:** *Waqf education, governance, waqf benefits*

*Submitted: 10/01/2022*

*Accepted: 22/06/2022*

*Published: 01/07/2022*

### PENGENALAN

Konsep wakaf adalah sangat istimewa dalam Islam. Walaupun tidak terdapat ayat al-Quran yang secara khusus menyebut perkara berkaitan dengan wakaf, namun ayat-ayat yang merujuk kepada amalan sedekah seperti yang terdapat di dalam surah al-Baqarah secara umumnya menggambarkan tentang kepentingan amalan wakaf (DarulFikir, 2001):

*“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu) kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji ”(al-Baqarah (2): 267).*

Hal ini dapat dilihat bahawa wakaf memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara dengan menyokong usaha untuk membangunkan pelbagai jenis kemudahan termasuk kemudahan pendidikan, kesihatan, tempat beribadah dan kemudahan lain untuk masyarakat seperti pembinaan jambatan dan jalan raya. Dari segi sejarah, kita dapat melihat bagaimana pemerintahan Empayar Uthmaniyyah menggerakkan sistem wakaf bagi memenuhi keperluan rakyat dan juga negara di dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan dan sosial (Cizakca, 2008).

Dengan kepentingan wakaf dan faedahnya kepada umat Islam, terutamanya dari aspek ekonomi (Asmak Abdul Rahman, 2009) isu dan kelemahan yang berkaitan dengan pengurusan





wakaf harus menjadi aspek penting yang harus ditangani oleh umat Islam. Masalah pengurusan wakaf yang tidak cekap berlaku di kebanyakan negara yang mengamalkannya termasuk Malaysia dan negara jiran seperti Indonesia (Mikail, Ahmad, & Adekunle, 2017) serta Bangladesh, termasuk juga isu pengukuhan pendidikan (Mokhtar Ismail, Hairullfazli Muhammad Som, Mohd Isa Mohd Deni, & Muna Sulaiman, 2015), kesihatan (Usman, 2014), keseluruhan kecekapan pengurusan wakaf (Abdul Mubaraq, 2018) yang memerlukan penstrukturan organisasi (Nurul Azma et al. 2017) untuk meningkatkan akauntabiliti institusi wakaf (Muhammad Iqmal Hisham et. al. 2018).

Pengurusan wakaf harus cekap dan sesuai dengan keperluan zaman, terutama dari aspek kaedah pengurusan aset dan pengagihan manfaat wakaf. Hal ini amatlah penting terutamanya apabila melibatkan pengurusan dana wakaf tunai yang popular pada masakini semenjak keharusan amalan wakaf tunai telah dikeluarkan pada tahun 2007 oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Di Malaysia skim wakaf tunai telah diperkenalkan oleh pihak MAIN dan juga agensi-agensi kerajaan seperti Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), beberapa institusi pengajian tinggi dan swasta seperti UKM serta entiti korporat seperti Johor Corporation (JCorp) (Asharaf, 2019). Wakaf tunai perlulah diuruskan secara sistematik sehinggalah ianya berkembang dan menghasilkan pendapatan bagi membiayai program-program berbentuk kebajikan (Tohirn & Hidayati; Saifuddin et.al. 2014). Namun begitu, terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan pengurusan wakaf tunai seperti kekurangan staf yang terlatih, laporan dana wakaf yang tidak tersusun dan dokumentasi wakaf yang sistematik (Masruki & Shafii, 2013; Shakrani, Noor, & Ali, 2003; Yaacob, Petra, Sumardi, & Nahar, 2012).

Kajian ini akan melihat pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) yang merupakan di antara institusi wakaf terawal yang memperkenalkan dan menguruskan dana wakaf tunai di negara ini. Walaupun struktur governan YWM yang berada di bawah pentadbiran JAWHAR sedikit berbeza dengan agensi-agensi wakaf di negeri lain yang dibawah bidang kuasa MAIN, namun aspek-aspek tadbir urus terbaik dana wakaf dan penyaluran manfaat wakaf boleh diikuti oleh agensi-agensi wakaf lain. Justeru, kertas kerja ini akan mengkaji tadbir urus dana wakaf pendidikan dan penyaluran manfaat wakaf pendidikan di YWM. Di antara persoalan kajian yang ingin diutarakan ialah bagaimanakah YWM menguruskan dana wakaf tunai yang melalui beberapa proses seperti kutipan, pengurusan dana, pelaburan dan penyaluran manfaat kepada penerima-penerima dalam sektor pendidikan. Memandangkan pengurusan dana wakaf pendidikan turut melibatkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta, kajian ini akan memberikan panduan kepada pihak-pihak terbabit di dalam menguruskan dana wakaf pendidikan. Kertas kerja ini akan dimulakan dengan pengenalan dan tinjauan literatur berkaitan konsep wakaf, wakaf tunai dan wakaf pendidikan. Seterusnya perbincangan akan diteruskan dengan kaedah penyelidikan, dapatan dan perbincangan, dan diakhiri dengan kesimpulan.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Konsep Wakaf**

Wakaf jika ditinjau dari sudut bahasa bermaksud penahanan atau pencegahan. Manakala di dalam sistem perundangan Islam, wakaf adalah merupakan salah satu bentuk pemberian di mana harta tersebut ditahan, dan manfaat harta tersebut disalurkan. Maksud 'penahanan' harta adalah pencegahannya daripada diwarisi, dijual, dihadiahkan, digadaikan, disewa, dipinjamkan, atau apa-apa jenis pelupusan (Al-Zuhayli, 1997). Mengenai penyaluran mafaat harta wakaf, ianya merujuk kepada penyaluran manfaat kepada tujuan yang disebutkan oleh pewakaf tanpa apa-apa pulangan kewangan (Kahf, 1999). Oleh kerana itu, wakaf secara





teknikalnya dapat didefinisikan sebagai penyerahan harta yang dapat dimanfaatkan dengan pengendalian aset tersebut, dan pewakaf atau pihak lain tidak lagi mempunyai hak untuk melupuskan aset wakaf tersebut serta manfaat harta wakaf yang diperoleh akan disalurkan bagi tujuan kebaikan demi mendapat keredhaan Allah.

Wakaf boleh dikategorikan kepada beberapa kategori berdasarkan perspektif penerima, tujuan wakaf, dan aset wakaf (Abdullaah dan Asharaf 2008). Penerima wakaf boleh terdiri daripada wakaf khayri (wakaf untuk tujuan kebajikan) atau wakaf ahli/dhurri (wakaf untuk keluarga/keturunan). Penerima wakaf khayri adalah pelbagai merangkumi individu atau institusi dari pelbagai sektor termasuklah pendidikan, kesihatan, dan sosial. Sebaliknya, penerima wakaf ahli/dhurri terhad kepada saudara-mara, ahli keluarga, dan keturunan pewakaf. Dari segi tujuan, wakaf boleh dibahagikan kepada wakaf am (wakaf umum) atau wakaf khas (wakaf khusus). Sekiranya pewakaf mendedikasikan aset untuk tujuan tertentu, misalnya, seseorang mendedikasikan sebidang tanah sebagai wakaf untuk pembinaan sekolah agama, maka pengurus wakaf wajib mematuhi syarat tersebut. Namun, jika tidak ada syarat khusus yang disebutkan oleh pewakaf, pengurus wakaf memiliki kebebasan untuk menentukan penggunaan tanah sesuai dengan keperluan. Selain dari penerima dan tujuan wakaf sepertimana yang dinyatakan di atas, wakaf juga boleh dikategorikan mengikut jenis aset iaitu aset tidak alih (wakaf al-‘aqar) seperti tanah dan bangunan, ataupun aset alih (wakaf al-manqul) seperti Al-Quran dan wang tunai.

Pada masa kini, wakaf wang tunai adalah jenis aset wakaf yang paling popular yang diuruskan oleh pengurus wakaf untuk membiayai pembangunan aset sedia ada, pengumpulan dana untuk membeli aset wakaf baru ataupun wang tunai tersebut dilaburkan bagi memperoleh dividen atau keuntungan (Magda, 2013; Asharaf, 2019). Berbeza dengan harta tidak alih seperti tanah dan bangunan, wakaf wang tunai adalah kaedah wakaf termudah dan paling murah tanpa mengeluarkan sejumlah besar wang. Kaedah wakaf secara wang tunai memberikan peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat Islam untuk terlibat di dalam aktiviti-aktiviti kebajikan bagi kemaslahatan mereka. Agensi-agensi kerajaan dan swasta di negara-negara Muslim di seluruh dunia termasuklah Malaysia telah membentuk dana wakaf tunai dan menyalurkan hasil wakaf untuk pelbagai sektor terutamanya pendidikan, kesihatan, dan sosial.

### **Wakaf Tunai**

Wakaf tunai merujuk kepada penyerahan harta yang berbentuk wang tunai oleh pewakaf serta penyaluran manfaat secara berterusan untuk kemaslahatan masyarakat (Magda, 2009). Definisi ini memberikan konotasi bahawa wakaf tunai jika dilihat dari sudut aset adalah merupakan kategori wakaf alih dimana pewakaf-pewakaf yang terdiri daripada individu perseorangan, entiti kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) mewakafkan wang tunai untuk diuruskan oleh pengurus aset wakaf atau nazir. Di Malaysia, pemegang amanah tunggal aset-aset wakaf adalah di bawah bidang kuasa MAIN sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Jadual Ke-9 (Senarai Negeri) Perlembaan Persekutuan (Ahmad Ibrahim, 1997). Pewakaf dan pengurus aset wakaf tunai perlu mendapat kebenaran daripada pihak MAIN untuk menubuhkan dan mengurus aset wakaf tunai. Dana wakaf tunai yang dikumpulkan akan digunakan tertakluk kepada model pengurusan aset wakaf tunai yang telah ditentukan. Terdapat badan-badan berautoriti agama yang mensyaratkan supaya dana wakaf yang terkumpul dikekalkan melalui pembelian aset kekal seperti bangunan. Terdapat juga amalan pihak pengurus wakaf yang melaburkan aset wakaf dan menyalurkan manfaat wakaf yang diperolehi di dalam bentuk dividen keuntungan dan sewaan kepada penerima-penerima manfaat yang telah ditentukan (Muhammad Ramadhan et.al, 2019).





Manakala jika ditinjau dari aspek tujuan wakaf, wakaf tunai boleh distruktur untuk pelbagai tujuan samada umum ataupun khusus. Bagi tujuan umum, aset wakaf tunai yang dikumpulkan akan disalurkan kepada penerima-penerima manfaat yang terdiri dari sektor keagamaan, pendidikan dan kesihatan. Sebagai contoh, aset wakaf tunai yang dikumpulkan telah digunakan untuk mendirikan masjid bagi kegunaan masyarakat setempat menunaikan ibadat solat dan lain-lain. Selain itu, terdapat aset wakaf tunai yang dikumpulkan bagi tujuan khusus seperti bagi pembiayaan sektor pengajian yang dipraktikkan oleh institusi pengajian tinggi awam. Jadual 1 menunjukkan tiga jenis wakaf tunai yang diamalkan di Malaysia, pihak pengurus serta tujuan ataupun manfaat wakaf.

Jadual 1: Skim Wakaf Tunai yang Diamalkan di Malaysia

Skim Wakaf Tunai	Pengurus (Nazir)/Pentadbir	Tujuan/Manfaat Wakaf
Saham Wakaf	i. Majlis Agama Islam dan Adat Resam Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). ii. Saham Wakaf Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) iii. Saham Wakaf Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM)	Manfaat umum bagi kemaslahatan umat Islam merangkumi sektor; i. Keagamaan seperti membina masjid. ii. Pendidikan seperti membina sekolah agama iii. Kesihatan seperti membeli mesin dialisis
Wang Tunai	i. Agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) ii. Universiti Awam seperti UIAM, UKM, UPM, USIM, UTHM, UM dan UNISZA. iii. Institusi Pengajian Tinggi Swasta seperti Kolej Universiti Bestari, Universiti Islam Malaysia dan Universiti Kolej Baitulmal. iii. Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)	Manfaat khusus bagi sektor pendidikan; i. Biasiswa ii. Pembelian peralatan untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P). Manfaat umum bagi sektor pendidikan, kesihatan dan sosial
Saham Wakaf Korporat	i. Johor Corporation (JCorp)	Manfaat Umum merangkumi sektor; i. Kebajikan Am dan Amal seperti membiayai sektor kesihatan dan Masjid An-Nur ii. Pembangunan modal insan iii. Projek khas

Sumber: Asharaf (2019) dengan sedikit penambahan.

Sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 1, terdapat tiga jenis skim wakaf tunai yang diamalkan di Malaysia iaitu Skim Saham Wakaf, Skim Wakaf Tunai dan Skim Saham Wakaf Korporat. Bagi kategori pertama iaitu Skim Saham Wakaf ianya merujuk kepada pengumpulan dana wakaf melalui penjualan saham wakaf yang bernilai minimum RM10.00. Dana saham wakaf yang dikumpulkan akan disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang berbentuk umum bagi kemaslahatan umat Islam seperti membina masjid, membina sekolah agama dan membeli mesin dialisis. Manakala kategori kedua pula merujuk kepada aset wakaf di dalam bentuk wang tunai yang diserahkan secara terus kepada pengurus wakaf. Pada masa kini terdapat beberapa entiti seperti universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta dan institusi kewangan Islam





yang terlibat di dalam skim wakaf tunai. Manfaat yang diperolehi dari aset wakaf tunai akan disalurkan khusus bagi membiayai sektor pengajian tinggi seperti menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar terpilih dan membeli peralatan-peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) seperti pembelian komputer. Kategori ketiga pula memperlihatkan penglibatan syarikat korporat yang mewakafkan sebahagian saham syarikat (sesetengah penulis seperti (Magda, 2013) dan (Asharaf & Abdullaah, 2013) menyatakan bahawa wakaf korporat adalah merupakan konsep wakaf yang tersendiri). Dividen saham yang diwakafkan akan disalurkan kepada pembiayaan kesihatan dan pembangunan modal insan.

### **Wakaf Pendidikan di Malaysia**

Wakaf adalah merupakan instrumen bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk sukarela dalam Islam dan telah memberikan sumbangan yang amat besar terhadap perkembangan sosio-ekonomi masyarakat Islam sejak dari awal kemunculan Islam sehinggalah masakini. Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan pembinaan dua aset wakaf terawal iaitu Masjid Quba 'dan Masjid Nabawi sebagai pusat ibadat dan penyebaran ilmu-ilmu Islam setelah Nabi berhijrah dari Makkah ke Madinah (Mashitoh, 2006). Sejak itu, wakaf dalam bentuk harta tak alih seperti tanah dan bangunan telah didedikasikan oleh umat Islam untuk membangunkan masjid, sekolah agama, madrasah, kolej, dan universiti. Dua universiti terkenal dan tertua di dunia Islam; Universiti Al-Azhar di Mesir, dan, Universiti Al Qarawiyin di Fez, Maghribi; serta universiti lain, seperti, Universiti Al Muntasiriyah, Iraq; Universiti Cordova, Sepanyol; Universiti King Abdulaziz, Arab Saudi; dan Universiti Islam Indonesia dibiayai oleh dana wakaf (Kabir Hasan, 2019; Zamro dan Najibah, 2014, Mahammad dan Rahman 2015). Semasa era kegemilangan Kerajaan Turki Uthmaniyyah, wakaf adalah salah satu instrumen penting untuk pembangunan sosio-ekonomi kerajaan di hampir semua sektor; pendidikan, kesihatan, dan sosial (Kabir Hasan, 2019). Dari segi sektor pendidikan, majoriti sekolah, kolej, dan universiti di seluruh jajahan Uthmaniyah dibina di atas tanah wakaf yang sepenuhnya atau sebahagiannya dibiayai oleh dana wakaf (Cizakca, 2011). Perlu diperhatikan bahawa dana wakaf tunai yang diiktiraf dan terkenal selama tempoh ini diurus untuk memberikan sokongan kewangan untuk pembangunan institusi-institusi pendidikan.

Melihat kepada potensi wakaf tunai untuk membiayai pembangunan institusi pendidikan di peringkat bawah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi, pihak berwajib di beberapa negara termasuklah Malaysia telah berusaha mewujudkan skim wakaf tunai. Usaha ini mendapat momentum yang diperlukan apabila fatwa berkenaan keharusan wakaf tunai telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun 2007 (Asharaf, 2019). Sejak dari itu pihak berautoriti agama di peringkat negeri dan persekutuan giat memperkenalkan skim wakaf tunai. Kerajaan Persekutuan Malaysia memulakan langkah berani untuk meningkatkan aplikasi wakaf tunai di negara ini dengan memperuntukkan RM 250 juta dan RM1.89 bilion dalam Rancangan Malaysia ke-9 dan ke-10 untuk projek pembangunan wakaf dengan sebahagian dana diperuntukkan untuk membiayai pembangunan sektor pendidikan. Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) dan agensi dibawahnya iaitu Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) adalah dua agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di beberapa negeri untuk pengawasan dan pemantauan projek-projek wakaf. Selain agensi kerajaan, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB); sebuah institusi kewangan Islam, telah bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk mewujudkan skim wakaf tunai yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat (WSM) dan mendedikasikan sebahagian dana wakaf untuk membiayai pusat-pusat pendidikan. Untuk memastikan kebertanggungjawaban dan ketelusan WSM, Jawatankuasa Bersama terdiri daripada pegawai atasan BMMB dan PWS dilantik





sebagai pihak berkuasa tertinggi untuk memantau dan mengawasi skim wakaf tunai tersebut (Asharaf, 2019).

Selain itu, beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia telah menubuhkan skim wakaf tunai untuk membiayai perbelanjaan operasi institusi terbabit dan menyediakan skim bantuan kewangan kepada pelajar. Antara universiti awam yang terlibat dalam usaha ini ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (Dzuljastri et.al., 2016). Selain universiti awam, beberapa institusi pengajian tinggi swasta seperti Universiti Islam Malaysia (UIM), Kolej Universiti Bestari (UCB), dan Kolej Profesional Baitulmal (KPB) telah menubuhkan dana wakaf tunai sebagai salah satu sumber pendapatan untuk membiayai skim biasiswa dan perbelanjaan operasi institusi (Asharaf, 2019). Institusi pengajian tinggi awam dan swasta ini telah diberi status Mutawwali Khas untuk menguruskan dana wakaf oleh MAIN di negeri masing-masing. Jawatankuasa Bersama yang anggotanya terdiri daripada pegawai atasan dari MAIN dan institusi pengajian tinggi terbabit telah ditubuhkan untuk memantau dan mengawasi setiap dana wakaf tunai. Perlu diperhatikan bahawa UIAM dan UPM telah berjaya melabur sebahagian daripada dana wakaf untuk menyediakan aliran pendapatan yang berterusan untuk membiayai skim biasiswa (Dzuljastri et.al., 2016).

Perbincangan di atas menyoroti landskap wakaf untuk membiayai sektor pendidikan di Malaysia. Adalah didapati bahawa penubuhan skim wakaf tunai mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak MAIN selaku pemegang amanah tunggal aset wakaf di negeri-negeri. Penubuhan Pengurusan Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pegawai-pegawai atasan daripada kedua-dua pihak iaitu MAIN dan institusi pengajian tinggi dapat memantau dan mengawasi operasi pengumpulan dana dan pengagihan manfaat wakaf tunai. Hasil dana wakaf tunai disalurkan untuk membiayai skim biasiswa dan juga perbelanjaan operasi institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

### **Kaedah Penyelidikan**

Secara asasnya kertas kerja ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif yang melibatkan kaedah kajian kes. Kaedah pengumpulan data primer dan sekunder melalui temu bual dan analisa kandungan. Temu bual adalah merupakan di antara kaedah penting dalam kajian sains sosial kerana kemampuan teknik ini di dalam menghasilkan data secara mendalam dan menjawab soalan-soalan yang kompleks (Creswell, 2014). Dalam kajian ini, temu bual adalah kaedah penyelidikan terbaik yang diterapkan kerana sifatnya yang menawarkan data mendalam dan kemampuan untuk meneroka perkara baru untuk difahami. Manakala analisa kandungan pula digunakan untuk menganalisa sumber sekunder seperti laporan kewangan, dokumen-dokumen dan artikel-artikel berkaitan dengan tajuk kajian.

Selain temu bual, kajian ini juga menggunakan kajian kes yang sangat berguna untuk mengkaji secara mendalam unit analisis secara individu seperti seseorang individu, komuniti atau organisasi. Ini memberikan peluang kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan secara holistik mengenai masalah kajian dan kemampuan untuk menggambarkan masalah serta fenomena yang sedang dikaji (Yin, 2009). Oleh itu, kajian ini sesuai untuk mengaplikasikan kajian kes yang sesuai untuk menjawab persoalan “bagaimana” dan “mengapa” (Stake, 1994). Dari segi persampelan, kaedah persampelan untuk kajian ini adalah persampelan bertujuan iaitu persampelan yang melibatkan penilaian dan pemilihan berdasarkan kriteria tertentu yang ditentukan oleh pengkaji. Pemilihan persampelan ini dibuat ketika penyelidik percaya bahawa sampel yang representatif dapat diperolehi melalui proses pemilihan yang baik dan sesuai dengan kajian, serta dapat menjimatkan masa dan wang dalam menyelesaikan kajian (Denzin





dan Lincoln, 2011). Bagi mencapai tujuan ini, kebiasaannya informan yang dipilih adalah terdiri daripada pakar yang mahir dalam satu-satu topik yang dikaji.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan dalam memilih organisasi yang dikaji dan informan kajian. Organisasi yang dipilih di dalam kajian ini ialah YWM. Pemilihan organisasi ini adalah berdasarkan kriteria dan keistimewaan YWM sebagai sebuah organisasi wakaf sistematik yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia bagi menubuhkan dan menguruskan aset-aset wakaf di peringkat kebangsaan serta menyalurkan manfaat wakaf kepada penerima-penerima. YWM adalah merupakan pelengkap kepada usaha Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di dalam membangunkan harta wakaf di Malaysia. Ianya ditubuhkan secara rasmi pada 23 Julai 2008 oleh Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (JAKIM, 2021)

Bagi melengkapkan kajian ini, seorang tokoh dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan dan ditemu bual iaitu Prof Madya Dr. Amir Saharuddin yang merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Ketua Pegawai Eksekutif YWM. Pemilihan informan ini sesuai dengan kriteria yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu individu yang terlibat secara langsung dengan organisasi yang dikaji, memegang jawatan pentadbiran dalam organisasi yang memahami perjalanan organisasi dan terlibat secara langsung di dalam aktiviti wakaf. Temu bual dilakukan secara atas talian, dirakam dan dirujuk kembali kepada informan bagi tujuan pengesahan ketika penganalisan data mengikut tema dilakukan. Terdapat dua tema utama yang ditetapkan hasil daripada temubual yang dijalankan iaitu tadbir urus wakaf pendidikan YWM dan penyaluran manfaat wakaf pendidikan.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Tadbir Urus Wakaf Pendidikan YWM**

Hasil dapatan dari temu bual dengan Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Prof Madya Dr Amir Shahrudin menunjukkan bahawa YWM mempunyai struktur tadbir urus yang tersusun terutamanya yang melibatkan wakaf pendidikan. Menurut Prof Madya Dr Amir, di YWM, terdapat dua jenis tadbir urus wakaf pendidikan iaitu yang berbentuk dalaman dan luaran. Tadbir urus dalaman adalah melibatkan jawatankuasa kewangan dan pelaburan khusus yang mengendalikan semua projek wakaf di bawah YWM. Jawatankuasa ini bukan sahaja melibatkan kakitangan pengurusan dari YWM tetapi juga pakar luar yang dilantik untuk memeriksa dan memantau segala perbelanjaan wakaf. Sementara itu, tadbir urus luaran di YWM pula adalah melibatkan jawatankuasa syari'ah yang berperanan untuk meneliti projek-projek yang dilaksanakan oleh YWM memenuhi syarat kepatuhan syari'ah. Kemudian, kedua-dua tadbir urus ini akan dipantau oleh lembaga pengawas yang berperanan untuk memastikan kepentingan pihak-pihak berkepentingan dipenuhi di dalam semua jenis keputusan pengurusan di YWM. Anggota lembaga pengawas ini terdiri dari wakil MAIN dari setiap negeri di seluruh Malaysia.

### **Kaedah Penyaluran Manfaat Wakaf Pendidikan**

Hasil kajian menunjukkan bahawa YWM mempunyai pelbagai kaedah untuk menyalurkan manfaat wakaf pendidikan kepada penerima atau penerima yang dimaksudkan. Dana wakaf yang terkumpul akan dibahagi dan dikendalikan dengan dua cara. Cara pertama ialah dengan menyalurkan 65% daripada jumlah dana wakaf kepada pihak MAIN, manakala cara kedua adalah dengan pihak YWM sendiri yang menguruskan baki 35% dana wakaf yang





dikumpulkan. Sehubungan dengan ini, Ketua Pegawai Eksekutif YWM; Prof Madya Dr Amir Shaharuddin mengatakan;

*"Dari RM19 juta ini, kami telah menyalurkan 65% daripadanya ke negeri-negeri (MAIN), kerana dalam sistem wakaf ini, para penderma dapat memilih negara mana yang ingin mereka salurkan wakaf tunai." (Ketua Pegawai Eksekutif YWM)*

Jelas bahawa dalam sistem sumbangan wakaf dalam talian, YWM bertindak sebagai perantara antara penderma dan MAIN yang mana wakaf tunai tersebut ingin disalurkan. Aplikasi wakaf atas talian ini melibatkan kerjasama antara beberapa institusi kewangan dan takaful seperti CIMB Islamic Bank Berhad, Sun Life Malaysia Takaful Berhad, AmMetLife Takaful Berhad dan Bank Rakyat (Yayasan Wakaf Malaysia, 2021). Pewakaf boleh memilih untuk menyalurkan wakaf tunai kepada MAIN pilihan mereka ataupun memberi kepercayaan kepada YWM untuk menguruskannya. MAIN mempunyai kuasa penuh untuk menguruskan wakaf tunai yang disalurkan oleh YWM.

Untuk kluster pendidikan, YWM mengeluarkan sijil wakaf tunai untuk pendidikan kepada pewakaf. Sebagai contoh, pada tahun 2019, sejumlah RM20,910 wakaf tunai untuk pendidikan dikumpulkan (Laporan Tahunan YWM 2019). Wakaf tunai akan dilaburkan sebagai harta wakaf dan pulangan dari pelaburan (faedah wakaf) akan digunakan untuk membiayai aktiviti pendidikan (Laporan Tahunan YWM 2019) seperti berikut:

- a) Membiayai pembelian alat pendidikan dalam projek kesejahteraan sosial.
- b) Membiayai pembelian alat tulis atau pakaian sekolah untuk pelajar yang berasal dari keluarga miskin.
- c) Membiayai pengubahsuaian kemudahan pendidikan di pusat pendidikan.
- d) Membiayai yuran dan kos pendidikan untuk pelajar yang layak.

Antara projek baru ini yang dilaksanakan oleh YWM adalah pengedaran alat untuk membantu pelajar yang layak dalam proses pengajaran dan pembelajaran dari rumah semasa wabak COVID-19. YWM telah membeli peranti tersebut, mengubahnya menjadi aset wakaf dan mengedarkannya kepada pelajar di sekolah tertentu.

*"Yang pertama adalah kelompok pendidikan. Yang ini, kami telah memperuntukkan sejumlah peranti untuk sekolah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran dari rumah yang dilaksanakan sekarang. (Ketua Eksekutif YWM)*

Pada 15 Julai 2021, sejumlah peranti bernilai RM84,000 telah dibeli untuk tujuan ini (Yayasan Wakaf Malaysia, 2021). Sekolah-sekolah yang menerima peranti itu diamanahkan oleh YWM untuk mengurus penggunaan peranti tersebut, seperti amalan program pinjaman buku teks untuk pelajar yang berasal dari keluarga yang miskin. Dengan inisiatif ini lebih ramai pelajar dapat mengambil bahagian dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan dari kaedah persekolahan di Malaysia pada masa ini.

Selain pengedaran peranti eLearning, YWM juga memperuntukkan RM29,500 untuk membeli dua ekor kuda untuk digunakan dalam program terapi autisme. Program ini melibatkan dua organisasi lain; Rubina Heritage yang menyediakan kemudahan terapi dan Universiti Perdana yang mengendalikan kemudahan dan penilaian pendidikan untuk membantu meningkatkan keupayaan belajar di kalangan kanak-kanak dengan masalah autisme (Yayasan Wakaf Malaysia, 2021).






## Kekuatan Wakaf Tunai YWM

Secara amnya salah satu masalah terbesar di institusi wakaf yang dibangkitkan dalam pelbagai kajian sebelumnya adalah isu-isu salah urus wakaf, pengurusan wakaf yang tidak cekap dan tidak berkesan oleh entiti yang diamanahkan mengurus harta wakaf (Chowdhury et al., 2012). Masalah-masalah ini telah menimbulkan masalah-masalah seperti pengurus wakaf yang tidak berkeelayakan, tanah wakaf yang belum dikembangkan, aset wakaf yang tidak produktif, dana yang tidak mencukupi untuk mengembangkan harta wakaf (Chowdhury et al., 2012). Tidak seperti entiti wakaf kerajaan lain di Malaysia, YWM ditubuhkan sebagai sebuah syarikat. Oleh itu, dana dan harta wakaf yang telah diamanahkan oleh masyarakat kepada YWM diuruskan secara strategik dan profesional oleh pihak pengurusan yang berkepakaran tinggi dan berdedikasi.

Pelaporan yang tidak betul oleh institusi wakaf di Malaysia juga diketengahkan oleh banyak penyelidik dalam kajian sebelumnya (Ihsan & Ibrahim, 2011; Masruki & Shafii, 2013; Siti Alawiah, 2012). Tahap pendedahan yang rendah dalam laporan kewangan (Siti Rokyah, 2005), kekurangan akauntan penguatkuasaan dan pengalaman (Hisham dan Shahul-Hameed, 2006) dan laporan yang tidak tetap (Siti Rokyah, 2005) adalah antara masalah yang dikenal pasti oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, dalam aktiviti YWM dan laporan kewangan disusun dalam gaya korporat dan diterbitkan setiap tahun. Laporan tahunan ini dapat dinilai secara terbuka melalui laman webnya. Amalan pelaporan tahunan ini adalah salah satu kekuatan utama YWM.

Dengan gaya pengurusan korporat seperti itu dan amalan pelaporan yang tepat membantu YWM memperoleh kepercayaan masyarakat dalam menguruskan dana dan harta wakaf. Ini dibuktikan dengan peningkatan dana wakaf tunai terkumpul YWM yang stabil seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 1 di bawah.



Gambarajah 1: Jumlah Dana Wakaf Tunai

## Kelemahan Wakaf Tunai YWM

Walaupun YWM mempunyai praktik pelaporan yang baik, namun banyak maklumat yang diberikan dalam laporan tahunan lebih tertumpu kepada melaporkan hasil atau kesan projek pendidikan wakaf. Sebagai contoh, projek kuda untuk wakaf yang telah dimulakan pada tahun 2017, maklumat terhadap mengenai kemajuan projek dan kesan projek tersebut kepada penerima yang dimaksudkan iaitu anak-anak OKU yang dinyatakan di dalam laporan tahunan. Hanya terdapat beberapa maklumat mengenai beberapa sekolah yang mendapat manfaat dari projek





ini seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2017. Namun begitu, tidak ada maklumat mengenai penggunaan kuda dan kesannya terhadap pendidikan anak-anak OKU yang diberikan dalam laporan tahunan yang lain. Maklumat ini sangat penting bagi mereka yang telah menyumbang kepada dana wakaf pendidikan untuk menilai keberkesanan projek wakaf yang dikendalikan oleh YWM.

## KESIMPULAN

Memandangkan kedudukan wakaf yang sangat istimewa dalam Islam dan manfaatnya yang besar bagi pewakaf dan penerima manfaat wakaf, tidak menghairankanlah bahawa keperluan mempelajari pengurusan wakaf harus diberi keutamaan. Isu pengurusan wakaf yang kurang sistematik di beberapa negara telah menjadi salah satu sebab mengapa hak istimewa wakaf tenggelam dan kurang mendapat perhatian. Oleh itu, kajian ini menyoroti pengalaman YWM didalam menguruskan dana wakaf tunai terutamanya bagi tujuan pendidikan untuk mengenal pasti kaedah tadbir urus dan penyaluran manfaat wakaf pendidikan.

Dari hasil kajian, adalah didapati bahawa struktur tadbir urus wakaf pendidikan di YWM amat tersusun melalui penubuhan urus tadbir dalaman dan luaran yang diwujudkan. Kedua-dua urus tadbir akan memastikan objektif dana wakaf dapat dilaksanakan dengan baik dan memenuhi piawaian pematuhan Shariah yang ditetapkan. Selain itu, kaedah penyaluran dana wakaf strategik yang diamalkan oleh YWM adalah juga merupakan pendekatan yang harus dipuji. Namun begitu, adalah disarankan agar penyaluran manfaat wakaf bagi sektor pendidikan diberikan lebih tumpuan memandangkan keadaan sistem pengajaran dan pembelajaran semasa yang menekankan kepada aspek teknologi maklumat serta penggunaan peranti.

Kajian masa depan dapat menyelidik secara lebih mendalam aspek lain pengurusan wakaf seperti kewangan, pelaburan dan aspek pengurusan yang lain. Penyelidikan berkaitan pengurusan institusi wakaf secara komperatif melibatkan negara jiran seperti Indonesia dan Singapura boleh dilakukan bagi mengenalpasti persamaan dan perbezaan dari segi pengurusan wakaf di negara jiran yang mempunyai begitu banyak persamaan kekayaan budaya. Di samping itu, kajian yang menggunakan kaedah penyelidikan lain seperti tinjauan yang mampu menghasilkan data dengan jumlah yang tinggi boleh dirintis oleh pengkaji-pengkaji.

## RUJUKAN

- Abdul Mubaraq, (2018). *The Waqf Management: Perspective in Comparison*. Journal of Finance and Islamic Banking. 1 (2), <http://ejournal.iainsurakarta.ac.id/index.php/jfib>
- Abdullaah Jalil and Asharaf Mohd. Ramli. (2008) *Waqf Instruments for Construction Contract: An Analysis of Structure*. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR) 5: 14.
- Abdullaah Jalil and Asharaf Mohd. Ramli. (2014). *Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat*. Jurnal Pengurusan 42: 2014.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Al-Zuhayli W. (1997) *al-Fiqh al-Islamiyy wa adillatuh*, Dimashq: Dar al-Fikr.
- Asharaf Mohd. Ramli. (2019). *Inovasi Model Wakaf Tunai di Malaysia Berlandaskan Kepada Garis Panduan Fatwa*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Vo. 18, No.2. 2019 (Edisi Khas).





- Asmak Ab Rahman, (2009). *Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia*. Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1 113-152
- Cizakca M. (2011) *Islamic Capitalism And Finance: Origins, Evolution And The Future*. Glos: Edward Elgar.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (4th ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Denzin, N. K. and Lincoln, Y. S. (2011) *The SAGE Handbook of Qualitative Research*. SAGE Publications.
- Dzuljastri, A.R. Norazizan, C. Marhanum, C.M.S. Faaza, F. (2016). *A Study On Sources of Waqf Funds for Higher Education in Selected Countries*. Adam Akademi, 6/1 2016:113-128.
- Hajah Mustafa Mohd. Hanefah, Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, et al. (2011) *Financing the Development of Waqf Property: The Experience of Malaysia and Singapore*. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR) 8: 1.
- DarulFikir. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juz*. Kuala Lumpur.
- Magda Ismail Abdel Mohsin. (2009) *Cash Waqf: A New Financial Product*, Petaling Jaya: Prentic Hall - Pearson.
- Magda Ismail Abdel Mohsin. (2013) *Corporate Waqf And Its Role In The Different Societies, The 2nd International Conference on Islamic Economics and Economies of the OIC Countries (ICIE 2013)* Kuala Lumpur.
- Masruki, R., & Shafii, Z. (2013). The Development of Waqf Accounting in Enhancing Accountability. *Middle-East Journal of Scientific Research (Research in Contemporary Islamic Finance and Wealth Management)*, 1–6.
- Mikail, S. A., Ahmad, M. A. J., & Adekunle, S. S. (2017). *Utilisation Of Zakāh And Waqf Fund In Micro-Takāful Models In Malaysia: An Exploratory Study*. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 9(1), 100–105. <https://doi.org/10.1108/IJIF-07-2017-010>
- Moh'd, I. S., Omar Mohammed, M., & Saiti, B. (2017). *The Problems Facing Agricultural Sector In Zanzibar And The Prospects Of Waqf-Muzar'ah-Supply Chain Model: The Case Of Clove Industry*. *Humanomics*, 33(2), 189–210. <https://doi.org/10.1108/H-02-2017-0033>
- Mokhtar Ismail, Hairullfazli Muhammad Som, Mohd Isa Mohd Deni, & Muna Sulaiman. (2015). *Model Operasi Wakaf Pendidikan di Malaysia*. *International Conference on Cash Waqf (ICCW)*, 2015(May), 215–228.
- Muhammad Iqmal Hisham et al. (2018). *Waqf Management Practices: Case Study in a Malaysian Waqf Institution*. *World Journal of Social Sciences*, 8 (3), 1-12.
- Nurul Azma et al. (2017). *Exploring The Factors Of Organization Structure To Improve Waqf Management In Malaysia*. *International Journal of Islamic Business*, 2 (2), 79-88.
- Rabiatul Hasanah Mahmood, S. Shahida, Latifa Bibi Musafar Hameed & Nazifah Mustaffha. (2009). *Kawalan Dalaman Tadbir Urus Wakaf di Malaysia*. *Asian Journal of Accounting and Governance* 8: 49–58 (2017) Special Issue ISSN 2180-3838.
- Saifuddin, F., Kayadibi, S., Polat, R., Fidan, Y., & Kayadibi, O. (2014). *The Role of Cash Waqf in Poverty Alleviation: Case of Malaysia*. In *Kuala Lumpur International Business, Economics and Law Conference 4 (KLIBEL4)*. Kuala Lumpur.
- Sakinatul Raadiyah Abdullah. (2020). *Kecekapan Tadbir Urus Dalam Pengurusan Pembiayaan Harta Wakaf Produktif Di Malaysia*. *Jurnal Maw'izah*. (3) 2020: 35-41.
- Shakrani, M. S., Noor, M. S. Z., & Ali, J. (2003). *Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia*. *Jurnal Syariah*, 11(2), 73–98.





- Stake, R. E. (1994) Case Studies. In: Denzin, N. K. and Lincoln, Y. S. (eds.) Handbook of Qualitative Research. Thousand Oaks, Sage Publications 236-248.
- Tohirin, A., & Hudayati, A. (2011). Cash Waqf Institution and Accounting Issues. In International Seminar & Workshop on Islamic Accounting. Yogyakarta.
- Usman, N. (2014). Pengelolaan wakaf produktif untuk kesehatan. *Muaddib*, 04(02), 1–20.
- Yaacob, H., Petra, S., Sumardi, A., & Nahar, H. S. (2012). Awqaf Accounting and Reporting for Accountability: A Case Study of Awqaf S. In The 19th International Business Research Conference. Melbourne.
- Yin, R. K. (2009) Case Study Research: Design and Methods. 4 ed. Los Angeles, SAGE.

